



**TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.2/2022**

28 FEBRUARI 2022, ISNIN

09:00 PAGI SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.2/2022 bagi bulan Februari** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1** Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2022, MPS telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak RM13.287 juta (25%) daripada RM53.15 juta iaitu angka yang dianggarkan bagi separuh tahun pertama 2022.
- 1.2** Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM1.03 juta (12.91%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8 juta.
- 1.3** Tempoh akhir bayaran cukai taksiran bagi penggal 1/2022 adalah pada hari ini (28 Februari 2022). Pemegang harta yang masih belum membuat bayaran masih mempunyai masa yang mencukupi untuk menjelaskan bil cukai taksiran untuk mengelakkan caj lewat RM20.00 yang mana caj ini akan dikenakan bermula 1 Mac 2022.

- 1.4** Untuk kemudahan orang ramai, sepanjang bulan Februari ini MPS telah membuka kaunter bayaran di Ibu Pejabat dan Cawangan Rawang pada setiap hari Sabtu, Ahad dan cuti umum selain saluran secara dalam talian melalui portal MyMPS dan juga saluran bayaran secara dalam talian melalui E-Banking dan juga JomPay.
- 1.5** Selain itu, MPS juga kini masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan caj lewat 100% akan diberikan.
- 1.6** Kepada semua pemilik anda boleh mendapatkan maklumat kelayakan pengurangan di Kaunter Bayaran Cukai Taksiran MPS dan tempoh bayaran adalah sehingga 31 Disember 2022.

2. PROGRAM CABUTAN BERTUAH 2021, SEBAGAI PENGHARGAAN KEPADA PEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN MELALUI DALAM TALIAN

- 2.1** Pada tahun 2021 MPS menjalankan kempen penggunaan portal bayaran MyMPS dan juga saluran dalam talian lain seperti E-Banking dan Jompay untuk menggalakkan pengguna melakukan urusan pembayaran cukai taksiran.
- 2.2** Sebagai menghargai pengguna yang telah menggunakan aplikasi dalam talian ini, MPS telah mengadakan satu kempen cabutan bertuah yang berakhir pada 31 Disember 2021. Kempen ini telah menawarkan hadiah kepada 59 penerima bertuah dengan hadiah utama berupa wang tunai sebanyak RM 5,000 kepada seorang pemenang selain hadiah-hadiah lain berupa wang tunai dan barang elektrik dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM20,000.

- 2.3** Saya ingin mengucapkan tahniah kepada 45 penerima bertuah yang telah memenangi hadiah saguhati berupa wang tunai RM100 yang cabutannya telah dibuat pada 23 Februari 2022 yang lalu.
- 2.4** Dan pada hari ini, MPS akan melakukan baki cabutan hadiah UTAMA sejurus selesai Mesyuarat Majlis MPS pada hari ini yang dipancarkan secara langsung melalui Facebook rasmi MPS.
- 2.5** Jadi saya ingin mengajak kepada anda semua untuk turut bersama-sama menonton Program Cabutan Bertuah MPS yang disiarkan secara langsung melalui Facebook rasmi MPS.
- 2.6** Selain itu, sempena sambutan ulangtahun ke 25 tahun Jubli Perak MPS yang disambut pada tahun ini, MPS juga akan mengadakan satu program cabutan bertuah perdana yang menawarkan hadiah keseluruhan sebanyak RM50,000. Program cabutan bertuah ini terbuka kepada semua mereka yang membuat bayaran menggunakan portal MyMPS.

2.7 Orang ramai bolehlah mengikuti laman media sosial dan portal rasmi MPS dari semasa ke semasa untuk maklumat terkini berkaitan program cabutan bertuah ini.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. ‘REWARD’ KESELURUHAN MPS TAHUN 2021

3.1. Pada tahun 2021 Alhamdulillah, hasil pendapatan MPS telah dicatatkan sebanyak RM181.44 juta iaitu 91.06% daripada sasaran yang ditetapkan iaitu RM199.245 Juta.

3.2. Sebagai menghargai pencapaian ini, semua kakitangan dan Ahli Majlis telah diberikan insentif saguhati RM 500.00 setiap seorang dan telah dikreditkan ke akaun masing-masing pada 15 Februari 2022.

3.3. Di sini saya ingin merakamkan sekalung ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MPS yang telah sama-sama

bertungkus lumus membantu dalam kutipan hasil bagi tahun 2021.

4. PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA STADIUM MPS

4.1. Seperti semua sedia maklum, Stadium MPS sebelum ini telah ditutup kepada orang awam bagi kerja-kerja menaiktaraf stadium selain pematuhan SOP Covid-19.

4.2. Sukacita dimaklumkan, mulai 1 Mac 2022, Stadium MPS akan dibuka semula kepada orang ramai bagi aktiviti berjoging sahaja pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 5.00 petang sehingga 7.00 malam dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

5. ISU SAMPAH HARAM DI KAWASAN GOMBAK DAN RAWANG

- 5.1.** Seperti semua sedia maklum, MPS amat serius dalam membentras isu pembuangan sampah haram yang berlaku di kawasan pentadbiran Selayang.
- 5.2.** Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui CCTV di hotspot-hotspot pembuangan sampah haram selain pemantauan oleh anggota Jabatan Pengutkuasa dan keselamatan MPS dilapangan.
- 5.3.** Alhamdulilah tindakan ini membawa hasil dimana sepanjang tahun 2021, 29 buah lori yang melakukan aktiviti pembuangan sampah haram telah pun di sita dan bagi tahun 2022 sehingga hari ni 4 buah lagi lori turut disita atas kesalahan yang sama.
- 5.4.** Selain itu, saya juga ingin menyeru orang ramai orang ramai untuk menggunakan tong sampah dan membuang sampah di tempat pembuangan sampah yang telah disediakan.
- 5.5.** MPS mendapati banyak kawasan seperti di tepi-tepi jalan yang dijadikan tempat longgokan dan pembuangan sampah. Longgokan sampah ini telah

menyebabkan bau busuk, kekotoran selain kacau ganggu kepada orang awam. Kegagalan untuk mematuhi pembunagan samapah di tempat-tempat yang disediakan boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.

5.6. Saya juga ingin menyeru agar orang ramai dapat melaporkan kepada pihak MPS jika melihat kejadian pembuangan sampah ini supaya tindakan boleh diambil kepada pesalah.

5.7. Walaubagaimanapun sebagai usaha, MPS melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan telah pun membersih dan menceriakan kawasan-kawasan ini menggunakan barang kitar semula.

5.8. Sehingga kini sebanyak 6 lokasi tapak hotspot pembuangan sampah telah dilaksanakan iaitu :

- Jalan 6, Taman Daya
- New Green Park
- Jalan 5, Taman Selayang Baru
- Paragon Utama

- Jalan Sg. Tuan ke Taman Jasa Utama
- Taman Selasih Fasa 2..

6. COVID-19

- 6.1. Seperti yang semua sedia maklum, negara ketika ini masih berdepan dengan pandemic Covid-19 dengan virus Omnicron yang mencatatkan jumlah kes yang tinggi setiap hari.
- 6.2. Untuk memastikan keselamatan orang awam, MPS telah melaksanakan semburan sanitasi secara berkala di Menara MPS dan juga kaunter-kaunter cawangan MPS. Pematuhan SOP yang ketat turut dilaksanakan untuk orang awam yang hadir berurusan di MPS. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli majlis MPS yang turut membantu melaksanakan semburan sanitasi secara CSR di kawasan masing-masing.
- 6.3. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut menyeru kepada semua agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan setiap masa bagi

memastikan kita dapat mengekang virus Covid-19 yang sedang melanda ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh